


KXP tak harus jejaskan bekalan air ke P Pinang

Nur Izzati Mohamad - Ogos 23, 2021



Lakaran kedudukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di Kedah. - Foto fail NSTP

GEORGETOWN: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) meminta lokasi cadangan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di Kedah dipindahkan ke tempat yang lebih selamat serta jauh dari tebing Sungai Muda yang menjadi sumber air mentah utama untuk Pulau Pinang dan Selatan Kedah.

Ia berikutan laporan penilaian impak alam sekitar (EIA) untuk cadangan KXP itu mendedahkan bahawa projek berkenaan boleh mencemarkan Sungai Muda dan menjejaskan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Datuk Ir Jaseni Maidinsa, berkata laporan itu menyatakan bahawa fasa pembinaan dan operasi KXP dan 'aerotropolis' merangkumi taman perniagaan, komersial dan perindustrian bakal menyebabkan sungai tersumbat, pencemaran air dan penurunan kualiti air.

"Oleh itu, lokasi cadangan KXP ini dilihat tidak sesuai dan perlu dipindah ke tempat lain kerana lokasinya di sepanjang tebing Sungai Muda yang mana ia menimbulkan risiko langsung dan tidak perlu untuk operasi bekalan air di Pulau Pinang dan Selatan Kedah.

"Kerja-kerja pembinaan berskala besar, di sepanjang 14 kilometer tebing Sungai Muda adalah ancaman jangka pendek hingga sederhana terhadap bekalan air di Selatan Kedah dan negeri ini.

"Tambahan pula, laporan EIA KXP mengesyorkan pelbagai langkah mitigasi umum termasuk sebagai rancangan pemantauan yang teliti dan prosedur keselamatan yang ketat untuk mencegah kecelakaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sebelum ini, Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor mengumumkan bahawa fasa pertama projek KXP yang bernilai RM6 bilion dijangka dimulakan dalam tempoh terdekat.

KXP dijangka memainkan peranan utama dalam beberapa cabang industri penerbangan serantau sekali gus menjadi 'game changer' kepada kemajuan ekonomi negeri ini serta beberapa negeri berjiran di utara tanah air.

Dalam pada itu, Jaseni berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP tidak dirunding atau diminta memberi maklum balas mengenai potensi risiko dan impak negatif dari projek KXP berhubung dengan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

"Ia agak pelik kerana Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah berunding dengan PBAPP mengenai penilaian EIA untuk cadangan 'kilang kertas teknologi hijau' yang terletak di sepanjang tebing Sungai Muda.

"Dalam jawapan rasmi untuk perundingan itu bertarikh 19 Julai 2021, PBAPP menyatakan bahawa Pulau Pinang dan selatan Kedah akan menghadapi ancaman air mentah dengan kesan yang teruk sekiranya Sungai Muda dicemari oleh operasi kilang kertas teknologi hijau yang dicadangkan.

"Sekiranya Sungai Muda tercemar, PBAPP tidak akan mempunyai pilihan selain menghentikan penyaluran air dari muka sauk Lahar Tiang untuk melindungi kesihatan awam (sekali gus) lebih sejuta orang di Pulau Pinang tidak mempunyai bekalan air," katanya.

Tegasnya, PBAPP juga menekankan bahawa setiap efluen yang dilepaskan ke Sungai Muda harus mematuhi bukan sahaja JAS tetapi juga parameter kualiti air KKM untuk bekalan air minum.

"PBAPP tidak membantah cita-cita Kedah untuk meneruskan projek lapangan terbang antarabangsa baru yang diharapkan dapat membawa pelaburan swasta bernilai RM3.8 bilion dan jumlah ini dijangka dapat memberi suntikan kepada ekonomi tempatan dengan penyediaan pekerjaan dan infrastruktur.

"Bagaimanapun, lapangan terbang tidak boleh dibina di lokasi yang meletakkan risiko tinggi kepada perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang dan Selatan Kedah ketika ini dan masa hadapan," katanya.